

Aktiviti 6

Lengkapkan ayat dengan kata bilangan berdasarkan gambar.

Usaha Kita



Imran, Li Kiang dan Kiran membantu Cikgu Suhaila di bilik Pendidikan Kesenian. Mereka mengemas dan mengira baki alatan bersama-sama.

Kiran membantu Imran mengeluarkan alatan daripada almari. Dia mengeluarkan _____ batang berus lukisan dan _____ gulung kad manila. _____ gulung kad manila itu berwarna kuning.

Selepas itu, Imran mencatat jumlah alatan yang diletakkan di atas meja. Imran mendapati _____ kotak kertas lukisan telah habis. Warna air pula hanya tinggal _____ botol. _____ botol berwarna merah.

Li Kiang mengira bilangan botol gam. Dia mendapati hanya _____ botol yang tinggal kerana sebotol telah habis.

Cikgu Suhaila gembira melihat mereka saling bekerjasama. Walaupun berbeza agama dan budaya tetapi mereka sentiasa bertoleransi semasa melakukan tugas.